

Koperasi cara lama tidak sesuai

21 NOV 1993

Oleh
G. MANIMARAN

SUBANG 20 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan perubahan-perubahan kepada koperasi-koperasi di negara ini membuat beberapa perubahan supaya tidak ketinggalan dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kata beliau, sistem koperasi yang lama tidak lagi sesuai pada masa sekarang ekoran pertambahan dalam bilangan keahlian, kegiatan perniagaan dan pelaburan yang melibatkan berjuta-juta ringgit dalam industri tersebut.

"Dalam keghairahan kita terhadap pertumbuhan ekonomi serta sektor korporat, sektor koperasi merupakan satu potensi yang tidak harus diabaikan, malahan usaha-usaha hendaklah dilipatgandakan untuk memajukan sektor ini.

"Gerakan koperasi mempunyai tempatnya yang tersendiri dalam

skim ekonomi moden dengan segala cabarannya termasuk masalah sejangat serta kemunculan teknologi baru," kata beliau ketika berucap merasmikan mesyuarat tahunan Koperasi Usaha Bersatu ke-13 di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir antara perubahan yang perlu dijalankan oleh gerakan koperasi ialah menambah daya tarikannya sebagai majikan yang mampu menarik para profesional serta pekerja mahir untuk berkhidmat dengannya sama seperti badan-badan korporat yang lain.

Selain itu kata beliau, gerakan koperasi negara ini juga perlu memiliki struktur pengurusan dan pentadbiran yang bersifat luwes bersesuaian dengan keadaan persekitaran.

Menurut beliau, sistem pengurusan profesional gerakan itu juga perlu untuk menentukan supaya keputusan dan tindakan boleh dijalankan dengan cepat.

"Zaman syarikat jimat-cermat, pinjam memin-

jam, tanggungan berhad yang diurus secara sambilan oleh beberapa ahli sudah hampir berakhir," katanya.

Menurut beliau, salah satu cabaran kepada pelabur koperasi di negara ini ialah untuk mencari jalan supaya sistemnya disesuaikan bagi mengelola koperasi yang besar secara berkesan.

Fleksibel

"Jika konsep syarikat boleh digunakan untuk menjalani 'syarikat perseorangan' yang kecil serta syarikat-syarikat gergasi, maka tiada sebab mengapa konsep koperasi juga tidak berupaya berbuat demikian.

"Ini harus difikirkan oleh pihak-pihak berkenaan bagaimana konsep koperasi boleh diterapkan dengan ciri-ciri yang fleksibel supaya koperasi berbagai-bagai saiz dan kegiatan ekonomi yang dijalankan di negara ini dapat bersaing maju dengan badan-badan perniagaan lain," katanya.

Dr. Mahathir juga ber-

kata, koperasi juga perlu menambah daya tarikan sebagai majikan yang mampu menarik para profesional serta mahir untuk berkhidmat dengannya sama seperti badan-badan korporat yang lain.

Kata beliau, seperti juga dengan sektor-sektor korporat atau kerajaan, koperasi harus dipimpin dan ditadbir berteraskan prinsip-prinsip pengurusan sejagat.

"Malangnya sebagai mana kita ketahui, pengalamanan koperasi di negara ini pada masa lalu tidak begitu menggalakkan," katanya.

Menurutnya, sungguhpun kebanyakan koperasi di negara ini berjalan dengan baik tetapi dilanda

oleh berbagai-bagai masalah dalaman yang mana kebanyakannya berpunca daripada kurang amanah, penyalahgunaan kuasa, pengurusan yang tidak cekap dan sikap negatif ahli-ahli.

Kata beliau, masalah koperasi kerap berkisar daripada pengurusan yang lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan koperasi dan ahli-ahlinya.

"Jika amalan-amalan yang sihat diamalkan, insya-Allah kejayaan boleh dicapai.

"Tetapi apabila perniagaan dicampuradukkan dengan perkara-perkara lain atau tidak ada kerajinan, maka apa juga perniagaan akan gagal," ujarnya.

Perdana Menteri memberitahu, masalah penyelewengan dalam koperasi tidak terbatas di peringkat sesebuah koperasi itu sahaja kerana ahli atau penyimpan dalam gerakan tersebut akan mendesak kerajaan untuk mencari penyelesaian.

Oleh itu, kata beliau adalah penting bagi semua ahli serta penyimpan meneliti perjalanan koperasi masing-masing.

"Periksalah akaun koperasi tuan-tuan, berta nyalah dan dapatkan penjelasan. Dapatkan bantuan mereka yang lebih arif berkenaan perniagaan dan sebagainya," katanya.